

**FAQ BERKAITAN TAWARAN DISKAUN 20% KEPADA PEMINJAM/PENERIMA  
BIAYA PINJAMAN/PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN**

**SOALAN 1**

Siapakah yang layak untuk mendapat tawaran diskaun 20% ini?

**Jawapan :**

Peminjam/penerima biaya PTPTN yang membuat **penyelesaian hutang secara sekaligus** dalam tempoh 10 Oktober 2014 hingga 31 Mac 2015 layak mendapat tawaran diskaun ini.

**SOALAN 2**

Apakah asas dan bagaimanakah kiraan diskaun 20% ini dibuat?

**Jawapan :**

Diskaun 20% ini dikira atas baki hutang semasa (termasuk WPP, sekiranya ada) ketika penyelesaian hutang secara sekaligus dibuat.

**SOALAN 3**

Sekiranya saya membuat penyelesaian penuh secara ansuran, adakah saya layak mendapat diskaun ini?

**Jawapan :**

**Tidak layak.** Diskaun 20% ini hanya diberikan kepada mereka yang membuat penyelesaian hutang secara sekaligus sahaja. Sekiranya peminjam/penerima biaya membuat bayaran secara ansuran bulanan dan membuat penyelesaian penuh dalam

tempoh 10 Oktober 2014 hingga 31 Mac 2015 maka diskaun 20% boleh diberikan ke atas baki hutang semasa pada bulan penyelesaian penuh dibuat.

#### **SOALAN 4**

Bagaimanakah caranya untuk saya mendapatkan baki hutang semasa?

#### **Jawapan :**

Baki hutang semasa boleh diperolehi secara *online* melalui ruangan **e-fes** di portal PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) dengan memasukkan nombor kad pengenalan. Sekiranya terlupa nombor pinjaman atau kata laluan, sila hubungi talian **HOTLINE 03-2080 4455**. Peminjam/penerima biaya juga boleh mengisi Borang Permohonan Pengesahan Baki di portal PTPTN dan faks ke talian **03-2092 1590**.

Bagi peminjam/penerima biaya yang **telah dikenakan tindakan penguatkuasaan dan perundangan**, permohonan baki hutang semasa boleh dihantar ke Bahagian Perundangan dan Pendakwaan PTPTN melalui e-mel **bakihutang\_BPP@ptptn.gov.my** atau faks ke talian **03-2095 5023**.

#### **SOALAN 5**

Bolehkah saya membuat pembayaran berdasarkan baki hutang semasa yang tertera di penyata *online*?

#### **Jawapan :**

Boleh **kecuali** mereka yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan atau perundangan. Bayaran sebanyak 80% daripada baki hutang semasa boleh dibuat melalui semua saluran kutipan balik PTPTN sedia ada. **Selain** pembayaran yang dibuat melalui kaunter PTPTN, butiran bayaran peminjam/penerima biaya hendaklah dihantar melalui e-mel ke **bakihutang@ptptn.gov.my** atau faks ke talian **03-2092 1590** bagi membolehkan rekod diskaun 20% dikemaskini.

Peminjam/penerima biaya yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan atau perundangan hendaklah membuat bayaran balik berdasarkan pengesahan jumlah baki hutang semasa yang dicetak.

#### **SOALAN 6**

Adakah diskaun 20% ini juga ditawarkan bagi baki hutang semasa Wang Pendahuluan Pinjaman/Pembiayaan (WPP) bagi penerima WPP yang tidak membuat pinjaman/pembiayaan PTPTN?

#### **Jawapan :**

**Ya**, diskaun ini turut diberikan bagi baki hutang WPP walaupun tidak membuat pinjaman/pembiayaan pendidikan PTPTN.

#### **SOALAN 7**

Saya telah dikenakan tindakan senarai hitam Jabatan Imigresen, adakah pihak PTPTN akan melakukan penarikan balik atau pemutihan daripada senarai hitam selepas penyelesaian hutang dibuat sepenuhnya?

#### **Jawapan :**

**Ya**, proses ini akan dilakukan oleh pihak PTPTN dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

#### **SOALAN 8**

Apakah kaedah atau mod bayaran penyelesaian penuh yang boleh saya buat?

#### **Jawapan :**

Bayaran penyelesaian penuh boleh dibuat melalui pelbagai kaedah termasuklah bayaran secara tunai, cek, bank draft dan wang pos. Bagi peminjam/penerima biaya

yang membuat pembayaran balik **melalui kaedah selain tunai**, pemberian diskaun 20% adalah tertakluk kepada jumlah yang berjaya ditunaikan.

### **SOALAN 9**

Adakah Surat Pelepasan Hutang (SPH) dikeluarkan selepas bayaran balik dilakukan?

#### **Jawapan :**

**Ya.** Surat Pelepasan Hutang (SPH) akan dikeluarkan selepas pembayaran dilakukan di kaunter PTPTN sekiranya bayaran dibuat secara tunai atau bank draf. Bagaimanapun, bagi pembayaran bukan tunai (cek, kiriman wang dan sebagainya), SPH akan dikeluarkan selepas cek berkenaan ditunaikan. Bagi bayaran melalui ejen atau *online*, SPH akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas bayaran diterima oleh PTPTN.

### **SOALAN 10**

Bolehkah saya mengeluarkan wang KWSP bagi tujuan penyelesaian penuh dan mendapat diskaun 20%? Jika ya, bilakah tarikh akhir sepatutnya saya membuat permohonan ke KWSP bagi melayakkan saya mendapat diskaun 20%?

#### **Jawapan :**

**Boleh**, dengan syarat baki Akaun 2 KWSP adalah mencukupi dan dapat menampung baki hutang pinjaman/pembiayaan pendidikan PTPTN. Bayaran balik daripada KWSP yang kurang daripada baki hutang akan menyebabkan anda tidak layak mendapat diskaun 20%. Peminjam/penerima biaya dinasihatkan untuk membuat semakan baki Akaun 2 KWSP secara *online* melalui *i-Account* ([www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)) atau di kiosk KWSP. Oleh kerana KWSP mengambil sedikit masa untuk memproses permohonan, maka peminjam/penerima biaya adalah dinasihatkan untuk membuat permohonan pengeluaran Akaun 2 **selewat-lewatnya pada 28 Februari 2015**. Bayaran daripada KWSP hendaklah diterima oleh PTPTN tidak lewat daripada 31 Mac 2015.

### **SOALAN 11**

Adakah diskaun 20% juga diberikan kepada kos pelbagai seperti kos guaman dan kos kurangan premium insurans?

#### **Jawapan :**

**Tidak.** Diskaun 20% hanya diberikan atas baki pinjaman/pembiayaan sahaja. Sebagai contoh sekiranya baki pembiayaan RM10,000, kos saman RM400, kos kurangan premium insurans RM60 maka jumlah penyelesaian penuh ialah RM8,460 [iaitu  $(RM10,000 \times 80\%) + RM400 + RM60$ ].